

Kan Seng: Didik rakyat agar waspada tentang fahaman radikal

Menteri luah harapan melihat lebih banyak individu dan kumpulan bekerjasama dengan pemerintah

Oleh
HISHAM HASIM
hishambh@sph.com.sg
dan **SHAMSUL JANGARODIN**
shamj@spg.com.sg

MELINDUNGI Singapura daripada pengaruh fahaman radikal dari luar negara menerusi Internet merupakan sesuatu yang mustahil.

Justeru langkah yang sebaiknya bagi membendung kemasukan fahaman tersebut ialah dengan mendidik rakyat agar mereka dapat mengenali ideologi penganas dan sentiasa waspada akan idea-idea radikal itu, kata Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwat Dalam Negeri, Encik Wong Kan Seng.

Beliau berkata demikian dalam satu interviu bersama *Berita Harian* baru-baru ini mengenai ancaman fahaman radikal yang masih

berleluasa menyusuli insiden percubaan megebom pesawat oleh warga Nigeria, Umar Farouk Abdulmutallab, pada Hari Krismas tahun lalu.

Dalam interviu menerusi e-mel itu, Encik Wong meluahkan harapan melihat lebih banyak individu dan kumpulan seperti pertubuhan agama dan akar umbi, sekolah dan perniagaan, tampil bekerjasama dengan pemerintah bagi memenuhi matlamat mencegah berlakunya penyebaran fahaman radikal di Singapura.

“Masyarakat yang bekerjasama dengan agensi yang relevan juga harus meneruskan usaha mencegah masyarakat kita, khususnya golongan muda, dalam menangani pengaruh radikal.

“Orang ramai memainkan peranan kritikal dalam melindungi keselamatan kita dengan berwaspada

dan melaporkan sebarang tingkah laku, perseorangan atau barangan yang mencurigakan kepada polis,” kata Encik Wong.

Dalam pada itu, Encik Wong berkata Singapura beruntung kerana sepanjang beberapa tahun lalu, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan beberapa pertubuhan akar umbi telah tampil mendekati masyarakat di masjid-masjid dan forum-forum awam memberikan pendidikan tentang salah guna dan salah tanggapan Islam oleh golongan penganas.

▶ Laporan lain 8

Antara kaedah pendekatan yang dilaksanakan termasuk melakukan interviu dengan media massa dan menyumbang artikel kepada akhbar-akhbar tempatan.

“Pihak RRG juga bekerjasama dengan Muis dan pertubuhan-pertubuhan Melayu/Islam lain dalam mendekati orang ramai untuk menyangkal idea penganasan.

“Usaha mereka harus dipuji kerana mereka mendekati golongan

yang mudah terdedah – khususnya kaum belia kita – menerusi seminar dan dialog, media, dan menerusi Internet, untuk menentang pengaruh ideologi penganasan,” kata Encik Wong.

Namun begitu beliau menekankan bahawa segala usaha masih giat dijalankan dan agar tidak leka kerana ada sesetengah warga Singapura yang masih terdedah dengan pengaruh penganas.

“Pihak penganas menjalankan kempen radikalisasi yang canggih dan meyakinkan dan terbukti bijak menggunakan media dalam talian,” kata Encik Wong.

Penganas yang disyaki, Umar Farouk, 23 tahun, dikesan pernah menggunakan laman rangkaian sosial Facebook dan beberapa forum dalam talian untuk meluahkan pandangan radikalnya.

Bapanya yang mengesyaki akan fahaman radikal yang semakin menular dalam diri anaknya itu, sebelum berlakunya percubaan megebom pesawat tersebut, pernah melaporkan keprihatinannya kepada pihak penguasa Amerika Syarikat.